

CNS0411

R GB 17-07 00153 BA338

bah

KELANTAN MESTI BERI PENGAKUAN BERTULIS, KATA PM

Mahathir - Pergau

BANDAR PERMAISURI, 17 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Kelantan perlu memberi pengakuan bertulis menjamin ia tidak akan mengganggu lagi kerja-kerja projek hidro elektrik Pergau.

Beliau berkata, perkara itu penting bagi memastikan masalah yang serupa tidak berulang.

+Ia (pengakuan) mesti dalam bentuk tulisan dan mesti sah mengikut undang-undang, kalau tidak ... mana kita nak boleh (teruskan),+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ladang Ternakan Bebiri Caluk, Setiu, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir telah diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Encik Abdul Halim Abdul Rahman yang memberi pengakuan bahawa kerajaan negeri itu tidak akan mengganggu kerja projek itu tetapi tidak mahu memberi jaminan dalam bentuk bertulis.

Menurut Abdul Halim, dengan termeterinya perjanjian projek itu, ia sudah meliputi jaminan yang dikehendaki oleh kerajaan pusat. -- Lagi

▼17/07/18-58MST

R GB 17-07 00178 BA339

bah

Mahathir - Pergau 2 Bandar Permaisuri

Perdana Menteri berkata tidak menjadi kesalahan kepada kerajaan Kelantan jika ia memberi pengakuan bertulis untuk sesuatu tujuan baik.

+Kita tidak minta lebih daripada itu, kita dah serik dua kali kena,+ katanya.

Beliau berkata, sama ada pengakuan itu menjadi sebahagian daripada perjanjian asal atau berasingan, ia mestilah dalam bentuk bertulis.

Sambil menegaskan bahawa kerajaan pusat tidak akan berganjak daripada keputusannya memberikan tempoh sebulan kepada kerajaan Kelantan untuk menandatangani perjanjian berkenaan, beliau tidak mahu masalah-masalah seperti pentadbiran akan ditimbulkan kemudian oleh kerajaan negeri itu dan menyebabkan projek itu terganggu lagi.

Kerja-kerja projek hidro elektrik Pergau terhenti selama 11 hari setelah kerajaan Kelantan bertindak mengadakan sekatan jalan ke tapak pembinaan pada 4 Julai lepas bagi mendesak kerajaan pusat membayar pampasan dan kadar pembayaran penggunaan air bagi projek itu.

Sekatan-sekatan jalan itu bagaimanapun ditarik balik pada Rabu ekoran rundingan antara Tenaga Nasional Berhad yang diketuai oleh pengerusinya, Tan Sri Dr Ani Arope dan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. -- Lagi

▼17/07/19-08MST

CNS0442

R GB 17-07 00166 BA344

bah

Mahathir - Pergau 3 (Akhir) Bandar Permaisuri

Mengenai keengganan kerajaan Kelantan membayar sebahagian gantirugi kerana terhentinya kerja pembinaan projek itu, Dr Mahathir berkata perkara itu perlu dirundingkan.

Perdana Menteri menyifatkan sebagai tergesa-gesa tindakan yang diambil oleh kerajaan Kelantan berhubung dengan isu Pergau dan tidak mengambil berat tentang kesan tindakan itu.

+Sebenarnya sebuah kerajaan mestilah berhati-hati sebelum mengambil tindakan seperti ini,+ katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr Mahathir meminta rakyat supaya berusaha dan bekerja keras walaupun tinggal dalam sebuah negeri yang mewah dengan kekayaan sumber alam.

Rakyat Terengganu ampamanya tidak harus bergantung kepada kemewahan sumber minyak, sebaliknya harus berusaha memajukan diri agar mereka boleh berdikari.

+Manusia yang tidak menggunakan akal fikiran akan menjadi bodoh dan manusia yang tidak menggunakan tenaga akan menjadi lemah,+ katanya.

Apabila rakyat menjadi bodoh dan lemah ia tidak berdaya mempertahankan diri dan terpaksa bergantung kepada orang lain.

Keadaan itu juga akan menyebabkan orang lain boleh menguasai mereka, katanya. -- Bernama

▼17/07/19-30MST